

FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA 2020

PERTANDINGAN DEKLAMASI PUISI

Anjuran
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

dengan kerjasama
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERSATUAN KEBUDAYAAN HAN MALAYSIA

**PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN LEMBAGA
PENGURUS SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA
MALAYSIA**

PENGENALAN

- Festival Bahasa dan Sastera 2020 merupakan program memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan dalam kalangan pelajar bukan Melayu di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- Acara yang dipertandingkan ialah Koir, Forum Pelajar, Deklamasi Puisi, Pidato dan Bercerita.

MATLAMAT

- Menanam semangat kecintaan terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar bukan Melayu dari peringkat awal.
- Mewujudkan dan menyediakan suasana penggunaan bahasa kebangsaan yang indah dan santai dalam kalangan pelajar bukan Melayu.

SYARAT-SYARAT

1. Peserta

Pertandingan ini terbuka untuk pelajar **bukan Melayu** tingkatan empat (4), lima (5) dan enam (6) SMPC.

- 1.1 Setiap peserta dikehendaki mendeklamasikan sebuah puisi moden (sajak) bertema **patriotik** yang dipilih sendiri oleh sekolah atau peserta.
- 1.2 Tempoh deklamasi tidak melebihi lima (5) minit.
- 1.3 **Sajak yang dipilih hendaklah diserahkan kepada urus setia untuk kegunaan penghakiman.**
- 1.4 Peserta dikehendaki menghafal sajak pilihan mereka.
- 1.5 Peserta dibenarkan bergerak bebas di atas pentas bersesuaian dengan sajak yang disampaikan.
- 1.6 Peserta dibenarkan menggunakan alat bantu yang tidak berbahaya dan sesuai dengan sajak yang disampaikan. Rakan tidak boleh dijadikan "alat bantu".

2. Struktur Pertandingan

Pertandingan akan dilaksanakan secara dua peringkat iaitu saringan dan akhir.

2. Peringkat Saringan

- 2.1.1 Sekolah diminta memuat naik rakaman video (format mp4) deklamasi puisi peserta dalam Facebook Festival Bahasa dan Sastera dalam tempoh **20 Februari 2020 hingga 19 Jun 2020.**
- 2.1.2 Penghakiman akan dinilai berdasarkan rakaman yang dibuat.
- 2.1.3 Rakaman video yang dimuat naik hendaklah disertakan dengan maklumat yang berikut:
 - a. Nama Sekolah
 - b. Nama Peserta
 - c. Nama Guru Pembimbing
 - d. Judul Sajak

- e. #festivalbahasadanastera2020
#deklamasipuisifbs2020
#bahasajiwabangsa
#MalaysiaMembaca

2. Peringkat Akhir

Lapan (8) orang peserta yang layak ke pertandingan akhir akan dimaklumkan melalui Facebook Festival Bahasa dan Sastera, dan dihubungi oleh Urus Setia melalui e-mel, surat dan panggilan telefon.

3. Penilaian dan Pemarkahan

Penggunaan muzik latar TIDAK diambil kira dalam penilaian dan pemarkahan. Penilaian hanya dibuat terhadap deklamasi sahaja dan perincian setiap aspek yang dinilai adalah seperti yang berikut:

- 3.1 Suara - 25 markah
- 3.2 Gaya - 25 markah
- 3.3 Nada - 25 markah
- 3.4 Teknik - 25 markah

4. Penghakiman

- 4.1 Hakim akan dilantik oleh urus setia.
- 4.2 Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.

5. Hadiah

5.1 Peringkat Saringan

Semua peserta yang menyertai pertandingan peringkat saringan akan diberikan sijil penyertaan.

5.2 Peringkat Akhir

- | | |
|---------------------|--------------------|
| Tempat Pertama | - RM 500.00 |
| | - Sijil Penyertaan |
| Tempat Kedua | - RM 400.00 |
| | - Sijil Penyertaan |
| Tempat Ketiga | - RM 300.00 |
| | - Sijil Penyertaan |
| Sagu Hati (5 orang) | - RM 100.00 |
| | - Sijil Penyertaan |

6. Borang Penyertaan

- 6.1 Borang Penyertaan hendaklah dilengkapkan menggunakan aplikasi *Google Forms* di pautan <https://forms.gle/dBz3AgtAKTLLdo4S9> atau boleh dimuat turun melalui laman web DBP di pautan www.dbp.gov.my.
- 6.2 Borang Penyertaan (dimuat turun) yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui pos, faksimile, e-mel **atau** dihantar sendiri kepada urus setia pertandingan di alamat yang diberikan.

- 6.3 Pastikan setiap Borang Penyertaan mendapat pengesahan daripada Pengetua sekolah.
- 6.4 Muat naik rakaman video deklamasi puisi pada dinding (wall) Facebook FBS2020 mengikut kategori pertandingan, iaitu Pertandingan Delkamasi Puisi.

7. **Tarikh Tutup**

Borang penyertaan hendaklah sampai kepada urus setia sebelum atau pada **19 Jun 2020**.

8. **Pertandingan Akhir dan Penyampaian Hadiah**

Pertandingan Akhir dan penyampaian hadiah akan diadakan pada hari **Selasa, 11 Ogos 2020** (Festival Bahasa dan Sastera 2020) di DBP Kuala Lumpur.

9. **Urus Setia**

- 9.1 Urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat penyertaan yang ditetapkan.
- 9.2 Urus setia tidak menyediakan pengangkutan peserta pertandingan akhir dari sekolah ke tempat penginapan dan sebaliknya.
- 9.3 Urus setia menyediakan pengangkutan dari tempat penginapan ke lokasi pertandingan (DBP) dan sebaliknya bagi pertandingan peringkat akhir.
- 9.4 Urus setia akan menanggung kos penginapan peserta dan seorang guru pengiring bagi pertandingan peringkat akhir.
- 9.5 Urus setia akan menyediakan makan minum sepanjang tempoh pertandingan peringkat akhir untuk peserta dan guru pengiring.
- 9.6 Sebarang kemalangan atau kerugian dalam tempoh pertandingan ini adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
- 9.7 Pihak penganjur berhak mengubah syarat pertandingan yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan atau penghantaran borang penyertaan hendaklah diajukan kepada :

**Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Aras 19, Menara DBP,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.**

Nama : Azimin Daud/Huznah Sait/MulittaAnbalagan
Tel. : 03 – 2147 9302 / 9301/9306

Faks. : 03 – 2147 9618
E-mel : fbs2020@dbp.gov.my

BORANG PENYERTAAN

1. **Butiran Sekolah**

Nama Sekolah : _____
 Alamat Sekolah : _____

 No. Telefon : _____
 No. Faks. : _____
 E-mel : _____

2. **Butiran Pelajar**

Nama Penuh : _____
 Umur : _____
 No. K.P.: _____
(Sila Sertakan Salinan)
 Alamat Rumah : _____

 Tingkatan : _____
 No. Telefon (R) : _____
 No. Telefon (B) : _____
 Nama Ibu/Bapa/ Penjaga : _____
 Judul Puisi : _____

3. **Butiran Guru Penyelaras**

Nama Guru : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Alamat Rumah : _____

 No. Telefon (R) : _____
 No. Telefon (B) : _____
 E-mel : _____

4. **Pengesahan Pengetua**

Dengan ini disahkan bahawa pelajar tersebut akan mewakili sekolah kami dalam **Pertandingan Deklamasi Puisi**.

Tandatangan : _____
 Nama Pengetua : _____

 Cap Sekolah: : _____
 Tarikh : _____